

13 Oktober, 1981

Tiada rundingan serius di Sepanyol kata PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak mengadakan perbincangan serius dengan sebarang pemimpin kerajaan Sepanyol semasa lawatan dua minggunya ke negara tersebut baru-baru ini.

Beliau memberitahu anggota PAS Kota Setar, Datuk Haji Abu Bakar Umar semasa soal jawab, Menteri Luar Sepanyol bagaimanapun, telah menjemputnya ke satu majlis perkenalan.

"Oleh kerana lawatan saya adalah lawatan tidak rasmi, Menteri Luar Sepanyol menjemput saya ke majlis makan tengahari untuk berkenalan-kenalan.

"Tidak ada perbincangan serius diadakan dan lawatan pembesar negara lain ke Sepanyol tidak ada kaitan dengan perjumpaan ini," jelasnya.

Anggota pembangkang itu ingin tahu butir-butir lawatan Perdana Menteri ke negara tersebut serta adakah benar beliau berunding dengan seorang Putra Mahkota dari Arab Saudi yang secara kebetulan sedang berada di Madrid ketika itu.

Kepada soalan tambahan Datuk Haji Abu Bakar, Perdana Menteri menjelaskan lawatannya ke Sepanyol boleh dianggap sebagai 'lawatan untuk menjaga kesihatan'.

"Oleh kerana berchat merupakan satu cara menjaga kesihatan, lawatan saya ke Sepanyol bolehlah dianggap sebagai lawatan bagi menjaga kesihatan," jelasnya.

Pada ketika ini, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Syed Nasir Ismail mencelah sambil berkata: "Kalau ahli yang terhormat ingin mendapat keterangan lebih lanjut, bolehlah berjumpa di luar Dewan nanti," dan disambut dengan gelak ketawa.